

06/01/1997

Pastikan premis tebing sungai stabil

SABAK BERNAM, Ahad - Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Dr Ting Chew Peh hari ini, mengarahkan semua pihak berkuasa tempatan membuat pemeriksaan terhadap semua bangunan di tebing sungai, lereng bukit dan tanah bekas lombong untuk memastikan kestabilannya.

Beliau berkata, langkah itu perlu bagi mengelak tragedi di Keningau, Sabah yang mengorbankan lebih 190 nyawa berulang.

Tragedi itu meragut banyak nyawa kerana kebanyakan rumah dibina di pinggir dan dalam sungai, sekali gus memudahkan arus deras menghanyutkannya.

Beliau percaya jika pemeriksaan berkala dilakukan oleh pihak berkuasa tempatan, mereka yang tinggal di kawasan terbabit dapat diselamatkan jika berlaku banjir kilat dan sebagainya.

"Pihak berkuasa tempatan wajar memeriksa kestabilan bangunan dan tanah di kawasan itu.

"Jika ada bangunan di kawasan itu yang didapati tidak stabil, pihak berkuasa tempatan mesti mengarahkan tuanpunya bangunan itu supaya mengukuhkan struktur bangunan.

"Penghuni bangunan itu juga mesti dipindahkan sehingga bangunan itu disahkan selamat sebagai langkah berjaga-jaga mengelakkan tragedi," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat MCA Selangor di sini, hari ini.

Beliau yang juga Pengerusi MCA Selangor berkata, pihak berkuasa tempatan perlu mematuhi prosedur yang dikeluarkan oleh kementerian itu selepas tragedi Highlands Tower di Hulu Klang pada 1993.

Sehubungan itu, beliau meminta kerajaan negeri membuat pemeriksaan mengenai keruntuhan tebing sungai dan bukit di kawasan masing-masing.

Ini katanya, kerana kawasan ini dikenal pasti sebagai kawasan kurang selamat untuk dijadikan tempat tinggal.

Akhbar hari ini melaporkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata peraturan baru perlu digubal untuk melarang pembinaan penempatan di pinggir sungai sebagai strategi jangka panjang mengelak tragedi jika berlaku banjir kilat.

(END)